

Buletin SIHAT MADANI

BIL 2/2023



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



PERASMIAN & PENJENAMAAN SEMULA HOSPITAL SERDANG



Perasmian Bot Ambulans Klinik
Kesihatan Pulau Redang dan
Klinik Kesihatan Pulau Perhentian



Sesi Town Hall
Kertas Putih Kesihatan



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG BULETIN SIHAT MADANI

Ketua Pengarang
Yamuna Perimalu

Pengarang
Mona Ang

Infografik
Mohd Iswandy bin Wally
Nor Afifah binti Hasbullah

Sidang redaksi Buletin Sihat Madani Bil.2/ 2023 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan Buletin Sihat Madani Bil.2/ 2023.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Buletin Sihat Madani
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



Buletin **Sihat Madani**

Isi Kandungan



5 MAJLIS GABUNGAN PRESIDEN DAN SETIAUSAHA
AGUNG KESATUAN SEKERJA KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (MAPSU KKM)

13 MAJLIS PERASMIAN KLINIK KESIHATAN MANIR

19 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN
2022 PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

25 MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN PERKHIDMATAN
REHABILITASI PEDIATRIK HOSPITAL REHABILITASI
CHERAS & PELANCARAN BUKU DIGITAL KENANGAN
TERINDAH

31 PERASMIAN THE 1ST ADDICTION AND FORENSIC
PSYCHIATRY SYMPOSIUM

SAMBUTAN HARI KESIHATAN DUNIA



Pada 7 April 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Kesehatan Dunia Peringkat Kebangsaan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

Sambutan ini merupakan hasil kerjasama KKM dengan Pertubuhan Kesehatan Sedunia (WHO). Yang bertemakan, tema Hari Kesehatan Sedunia 2023 “Kesehatan untuk Semua” adalah bertepatan dengan situasi semasa. Tema tersebut juga bertujuan mempromosikan akses kepada kesehatan yang lebih baik. Selaras dengan tema “Kesehatan untuk Semua,” Malaysia merupakan sebuah negara yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesehatan yang saksama kepada semua, tanpa mengira status kewarganegaraan, dan tanpa diskriminasi.



Turut hadir YBhg. Dato’ Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), Cik Karima El Korri, United Nations Penyelaras Residen bagi Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Dr. Rabindra Abeyasinghe, Wakil WHO bagi Malaysia, Brunei Darussalam & Singapura dan YBhg Datuk Dr Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesehatan (Kesehatan Awam).



LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE SABAH

Pada 8 hingga 9 April 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa fasiliti kesihatan di negeri Sabah. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan (KK) Luyang, Klinik Kesihatan Kinarut, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS), Klinik Kesihatan (KK) Putatan dan beberapa buah tempat lagi.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat. Selain itu, komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan memastikan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah lebih terpelihara

Turut hadir, YB Datuk James Ratib, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, YBrs. Dr. Mohd Azman Bin Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM, dan YBrs. Dr. Mohd Safiee Ismail, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM.

Klinik Kesihatan Luyang



Klinik Kesihatan Kinarut



Klinik Kesihatan Putatan



Hospital Papar



Hospital Wanita & Kanak-Kanak Kota Kinabalu





Majlis Ihya' Ramadhan Kementerian Kesihatan Malaysia



Pada 12 April 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menghadiri Majlis Ihya' Ramadan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.

Majlis Ihya' Ramadan ini, turut diraikan 114 orang tetamu istimewa yang terdiri daripada warga ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia yang terdiri daripada ibu/ bapa tunggal, Pegawai Kurang Upaya (OKU) serta saudara baru (mualaf) dan juga 14 orang kanak-kanak.

Turut hadir YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal).



YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan pelancaran buku *Framework on Traditional and Complementary Medicine (TCM) Research in Malaysia* dan *Guideline for Herbal Medicine Research* di Institut Kesihatan Negara pada 14 April 2023.

Buku *Framework on T&CM Research in Malaysia* diterbitkan sebagai rujukan dan panduan untuk pihak berkepentingan yang berminat dalam pelaksanaan dan penilaian penyelidikan PT&K di Malaysia. Dokumen *Guideline for Herbal Medicine Research* pula merangkumi tatacara penyelidikan dalam membangunkan produk herba berasaskan bukti saintifik.

Turut hadir, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal).



Pelancaran Buku *Framework on Traditional and Complementary Medicine (TCM)*





Sesi *Town Hall* Kertas Putih Kesihatan (*Health White Paper - HWP*) Dan Pelancaran Laman *Web Health White Paper*

Pada 18 April 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri Sesi *Town Hall* Kertas Putih Kesihatan bagi Zon Tengah di Hotel Zecon, Cheras, Kuala Lumpur.

Kertas Putih Kesihatan (*Health White Paper*) menterjemah pelan reformasi kesihatan negara dengan menggariskan cabaran dan limitasi utama yang dihadapi oleh sistem kesihatan negara serta mengemukakan cadangan reformasi kesihatan yang bersifat holistik, inklusif dan responsif terhadap keperluan kesihatan rakyat. HWP merupakan salah satu inisiatif pelan tindakan bagi reformasi sistem penjagaan kesihatan Malaysia akan diperkenalkan sebagai pendekatan baharu untuk mentransformasikan sistem penjagaan kesihatan negara.

Turut hadir, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazaman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Dr. Asmayani Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), YBhg. Dr. Rozita Halina Tun Hussein, Pengarah, Bahagian Perancangan, YB Dr. Siti Mariah Mahmud, Exco Selangor, YBhg. Dato' Indera Sha'rani, Pengarah, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Dr. Nor'aishah binti Abu Bakar, Pengarah, Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya dan Prof. Dato' Dr. Syed Mohamed Al-Junid (Panel Penasihat).





Majlis “Clock Out” Ketua Pengarah Kesihatan

Pada 19 April 2023, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan menyempurnakan majlis 'clock out' persaraan wajib di lobi Blok E7, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini setelah berkhidmat selama 35 tahun.

Tanggal 20 April 2023, bermula usia persaraan beliau dan bermulalah fasa baharu sebagai pesara kerajaan. Khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang menerajui KKM dan perkhidmatan awam amnya akan dikenang selamanya. Komitmen Tan Sri dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan berjalan lancar terutamanya ketika negara berdepan dengan pandemik *Covid-19*, dari segi pasukan petugas perubatan, kemudahan kesihatan serta fasiliti kesihatan adalah amat dihargai.





Majlis Persaraan Bakti Disanjung Budi Dijunjung (Ketua Pengarah Kesihatan)

Pada 18 April 2023, YB Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri Kesihatan bersama YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Persaraan Bakti Disanjung Budi Dijunjung YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Majlis ini sebagai tanda penghargaan dan penghormatan di atas khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh YBhg Tan Sri Dr. Noor Hisham sepanjang perkhidmatan beliau di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal).



Sesi Kayuhan MAIPs Peduli YB Menteri Kesihatan Bersama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja Perlis

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, bersama YB Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyertai sesi kayuhan MAIPs Peduli di Jabatan Kesihatan Negeri Perlis di Jalan Raja Syed Alwi, Kangar, Perlis pada 30 April 2023.

Kayuhan MAIPs Peduli merupakan Program Khas DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis dibawah penyelarasan Majlis Agama Islam Perlis dan kolaborasi bersama Jabatan Kesihatan Negeri Perlis manakala sesi kayuhan berkenaan merupakan rutin kayuhan DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis, iaitu sebanyak 2 hingga 3 kali seminggu.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Ismuni Bin Bohari, Pengarah JKN Perlis dan Ketua-ketua Jabatan Negeri serta badan-badan GLC dan Swasta Negeri Perlis.



Lawatan Kerja YBMK Ke Johor

Pada 20 April 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan satu lawatan ke Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim Kulai, Johor hari ini sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba. Sesi lawatan ini bertujuan untuk menyantuni pesakit-pesakit terutamanya di Wad Obstetrik dan Ginekologi (O&G), Wad Pediatrik dan Jabatan Kecemasan (ED).

Sesi ini turut disempurnakan dengan pemberian sumbangan sempena Aidilfitri kepada pesakit – pesakit di hospital berkenaan. Sumbangan ini diharap dapat

memberikan semangat dan manfaat kepada penerima dalam meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Turut hadir YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital merangkap Ahli Parlimen Kulai, YB Chiong Sen Sern, ADUN Bukit Batu, YB Wong Bor Yang, ADUN Senai, YBrs. Dr Mohamad Faiz bin Maarof, Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan YBrs. Dr. Noorraudah binti Abd Rahman, Pengarah Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai.





Sesi Pembentangan Dan Dialog Mengenai Kertas Putih Kesihatan (HWP)

Pada 28 April 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir ke sesi pembentangan dan dialog mengenai Kertas Putih Kesihatan (HWP) Peringkat Zon Negeri Sabah di Auditorium, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

HWP ini adalah permulaan perjalanan reformasi sistem kesihatan Malaysia dan antara teras strategik kertas putih itu adalah untuk memastikan kemampuan pembiayaan penjagaan kesihatan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan untuk kesihatan.

Turut hadir, YB Datuk James Ratib, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah merangkap Exco Kesihatan Negeri, YB Lukanisman Awang Suani, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, YBhg. Tan Sri Jemilah Mahmood, Ahli Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan, YBhg Datuk Dr Rose Nani Mudin, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah dan YBrs. Dr. Rozita Halina Tun Hussein Pengarah Bahagian Perancangan, KKM.



Sesi Pembentangan Dan Dialog Mengenai Kertas Putih Kesihatan (HWP)

Pada 27 April 2023, YB Dato' Sri Professor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak dan YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir ke sesi pembentangan dan dialog mengenai Kertas Putih Kesihatan (HWP) di Hospital Umum Sarawak (HUS), Kuching, Sarawak.

Kertas Putih Kesihatan (HWP) merupakan satu kertas dasar yang akan menggariskan cabaran dan kekangan yang dihadapi sistem kesihatan negara dan mengesyorkan beberapa pendekatan dan strategi bagi mereformasi sistem kesihatan negara secara berfasa. Kertas Putih Kesihatan amat penting dalam usaha mengukuhkan sistem kesihatan dan tadbir urus

kesihatan negara dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Turut hadir, YB Tuan Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM, YBrs. Dr. Koh Kar Chai, Mantan Presiden Persatuan Perubatan Malaysia selaku ahli Majlis Penasihat untuk Kertas Putih Kesihatan YBrs. Dr. Rozita Halina Tun Hussein Pengarah Bahagian Perancangan, KKM, YBrs. Dr. Ooi Choo Huck Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan YBrs. Dr Ngian Hie Ung, Pengarah Hospital Umum Sarawak.



Lawatan Kerja YB Menteri Kesihatan Ke Perlis

Pada 30 April 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Hospital Tuanku Fauziah (HTF) dan Klinik Kesihatan Kangar, Perlis.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBrs. Dr. Ismuni Bin Bohari, Pengarah JKN Perlis, YBrs. Dr. Nordin Bin Mohamed, Pengarah Hospital Tuanku Fauziah dan YBrs. Dr. Faizah Bt Othman, Timbalan Pengarah Hospital Tuanku Fauziah.

Hospital Tuanku Fauziah (HTF)



Klinik Kesihatan Jenis 3 Padang Besar





PELANCARAN PROGRAM TV SITKOM AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)

Pada 3 Mei 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah melancarkan Program TV Sitkom Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini. ANMS adalah salah satu pendekatan KKM bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan serta intervensi yang komprehensif dalam pembudayaan hidup sihat dan kelestarian kebersihan persekitaran.

KKM telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan melalui Teras 1 ANMS iaitu Memantapkan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat. Aktiviti promosi dan pendidikan ini bermula dengan Majlis Pelancaran ANMS pada 11 November 2021 yang lalu secara langsung di RTM TV1.

Mesej-mesej promosi dan pendidikan kesihatan yang disampaikan melalui sitkom ini adalah mengenai bahaya denggi, kepentingan menjalani saringan kesihatan, kekal aktif, pemakanan sihat dan selamat, amalan 10 ribu langkah sehari, persekitaran sihat, amalan 'Take 5' untuk kesejahteraan mental dan fizikal dan 'SpeakOut' iaitu suarakan hak anda untuk udara bebas asap rokok.



SESI TOWN HALL BERSAMA PROFESIONAL KESIHATAN BERSEKUTU KKM

Pada 5 Mei 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri Town Hall bersama Profesional Kesihatan Bersekutu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang diadakan di Ibu Pejabat KKM, Putrajaya.

Sesi Town Hall ini dianjurkan oleh Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu yang mentadbir urus profesional Kesihatan Bersekutu di KKM bertujuan mendapatkan pandangan, maklum balas dan cadangan penambahbaikan daripada pelbagai aspek bagi perkembangan perkhidmatan Kesihatan Bersekutu di KKM.

Dalam sesi Town hall berkenaan, beberapa isu dan cabaran telah dibangkitkan. Antaranya ialah sumber manusia, laluan kerjaya Profesion Kesihatan Bersekutu, penyeragaman skim perkhidmatan Profesion Kesihatan Bersekutu dan lantikan jawatan kontrak Profesional Kesihatan Bersekutu ke jawatan tetap.

YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, barisan Pengurusan Tertinggi, Pegawai-Pegawai Kanan KKM dan seramai 350 orang profesional Kesihatan Bersekutu pelbagai profesion di KKM telah hadir ke sesi berkenaan.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Pada 9 Mei 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2022 Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 diadakan setiap tahun sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kerja yang telah diamanahkan. Seramai 757 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan tujuh (7) orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) bagi tahun 2022. 379 orang penerima diraikan pada sesi pagi dan seramai 385 orang lagi diraikan pada sesi petang, hari ini.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazman Bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).





Sesi Pembentangan Dan Dialog Mengenai Kertas Putih Kesihatan (HWP)



YB Dr Zaliha telah menghadiri sesi pembentangan dan dialog mengenai Kertas Putih Kesihatan (HWP) di Dewan Auditorium 3, Hub Pendidikan Tinggi Pagoh, Muar, Johor pada 7 Mei 2023.

Sesi dialog awam berkenaan HWP ini merupakan sesi kelima yang dianjurkan selepas sesi pertama di peringkat Zon Tengah pada 18 April 2023 di Kuala Lumpur, sesi kedua di peringkat Zon Negeri Sarawak pada 27 April 2023, sesi ketiga di peringkat Zon Sabah pada 28 April 2023 dan sesi keempat di Zon Utara di Penang baru-baru ini. Kertas Putih Kesihatan telah dibangunkan untuk menjadi sebagai satu plan reformasi sistem kesihatan dan ia adalah usaha murni kerajaan demi menyediakan sistem perkhidmatan kesihatan yang saksama, berkualiti tinggi, mudah untuk diakses, mampu milik dan mampan bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat di negara ini.

Turut hadir, YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KKM, YBhg. Dato' Dr. Asmayani Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), KKM, YBhg. Datuk Dr Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM, YB Puan Siti Faizah Datuk Abd. Azis Timbalan EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka, YBrs. Dr. Mothar Pungut, Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan YBhg. Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan, Pengerusi AXIATA Merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan.

PERASMIAN & PENJENAMAAN SEMULA HOSPITAL SERDANG KEPADA HOSPITAL SULTAN IDRIS SHAH

Merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor berangkat mencemar duli dan seterusnya berkenan merasmikan Majlis Perasmian dan Penjenamaan semula Hospital Serdang kepada Hospital Sultan Idris Shah, Serdang pada 8 Mei 2023.

Hospital Serdang merupakan hospital pakar major yang merupakan pusat rujukan rawatan jantung bagi Wilayah Tengah dan pusat rujukan bagi kes-kes jantung kompleks dari seluruh negara (*National Tertiary Cardiac Referral Centre*). Perkhidmatan jantung Hospital Serdang merupakan perkhidmatan yang paling sibuk dengan

beban kerja paling tinggi di antara semua 10 fasiliti perkhidmatan jantung di KKM dengan lebih 40,000 pesakit luar setahun dan lebih 12,000 rawatan invasif setahun termasuk angiogram dan angioplasti koronari.

Turut hadir ialah YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud, Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita & Keluarga, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari Bin Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan YBrs. Dr. Amin Sah Bin Ahmad, Pengarah Hospital Serdang.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG



YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 Dan Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2023 Jabatan Kesihatan Negeri Pahang di Dewan Bandaraya, Kompleks Majlis Bandaraya Kuantan, Kuantan, Pahang pada 29 Mei 2023.

seterusnya merasmikan Majlis tersebut.

Turut hadir Di Majlis berkenaan ialah YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM dan YH. Dato Indera Dr. Norazimi Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang.

Seramai 450 warga Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang telah menerima pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 123 orang pesara telah diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2022. YB Menteri Kesihatan telah hadir bagi menyampaikan Sijil APC dan Sijil Persaraan





Lawatan Kerja YB Menteri Kesihatan Ke Klinik Kesihatan Manir, Kampung Kubang Jela, Kuala Terengganu

Pada 16 Mei 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri lawatan kerja ke Klinik Kesihatan (KK) Manir, Kampung Kubang Jela, Kuala Terengganu, Terengganu.

YB Menteri Kesihatan terlebih dahulu membuat lawatan ke Kabin Unit Kesihatan Keluarga (MCH), KK Hiliran yang telah dipindahkan lokasinya buat sementara waktu ke KK Manir. Di samping itu, beliau turut melawat dan menyantuni pesakit-pesakit yang hadir ke klinik ini serta petugas-petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada penduduk setempat.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr Nor Fariza Ngah, Ketua Jabatan Oftalmologi dan Ketua Unit Clinical Research Centre, Hospital Shah Alam menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) KKM dan YBrs. Dr. Rozita Halina Tun Hussein Pengarah Bahagian Perancangan, KKM.





Majlis Hari Raya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Pada 17 Mei 2023, YB Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa telah mengiringi YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri ke Majlis Hari Raya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di MAEPS, Serdang.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan, YB Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan YB Tuan Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan.



Majlis turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)



Program Larian *One Stop Crisis Centre (OSCC) Fun Run 2023*

Pada 27 Mei 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan pelancaran program larian *One Stop Crisis Centre (OSCC) Fun Run 2023* di Hospital Putrajaya yang dianjurkan oleh Jabatan Kecemasan & Trauma, Hospital Putrajaya (HPj).

One Stop Crisis Centre (OSCC) merupakan salah satu skop perkhidmatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di semua hospital kerajaan di Malaysia. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk membantu dan merawat mangsa yang terlibat dalam kes keganasan rumahtangga (*domestic violence*), liwat (*sodomy*), rogol (*rape*), keganasan seksual (*sexual assault*) dan penderaan kanak-kanak (*child abuse*).

Turut hadir YBrs. Dr Nor'Aishah binti Abu Bakar, Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, YBrs. Dr Suraya binti Amir Hussin, Pengarah Hospital Putrajaya, YBrs. Dr Mohd Anis bin Haron @ Harun, Pengarah Institut Kanser Negara (IKN), Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh, Naib Presiden Perbadanan Putrajaya, Puan Nordina binti Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara, YBrs. Prof. Dato' Sri Dr. Haji Abu Hassan Asaari Abdullah, Mantan Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan juga Pengasas Perkhidmatan OSCC KKM dan YBrs. Dr Khairul Nizam Hassan, Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma selaku Penasihat Minggu Bersama Jabatan Kecemasan 2023 dan *OSCC Fun Run*.



Lawatan Kerja YB Mente

Pada 8 hingga 9 April 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa fasiliti kesihatan di negeri Sabah. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan (KK) Bukit Goh, Klinik Kesihatan (KK) Bandar Kuantan, Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Klinik Kesihatan (KK) Ibu dan Anak Jalan Gambut dan Klinik Kesihatan Sungai Soi.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat. Selain itu, komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan memastikan kesejahteraan rakyat di negeri Pahang lebih terpelihara

Turut hadir, YB Dato Hj. Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff, Exco Kesihatan Pahang, YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM, YBrs. En. Noor Azman Abdul Rahman, Setiausaha Bahagian (Bahagian Sumber Manusia) dan YBhg. Dato Indera Dr. Norazimi Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang.

Klinik Kesihatan Bukit Goh



Klinik Kesihatan Bandar



Peri Kesihatan Ke Pahang

Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Jalan Gambut



Klinik Kesihatan Sungai Soi



Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA)




Majlis Sambutan Hari Imunisasi

Pada 31 Mei 2023 YB Zaliha Mustafa telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan 2023 dan melancarkan Program Pemberian *Imunisasi Catch-up Pneumokokal (CHUP)*.

Tema Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan 2023, “Tingkatkan Liputan, Kurangkan Keciciran” selaras dengan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meluaskan pemberian imunisasi Pneumokokal kepada kanak-kanak lahir pada tahun 2018 dan 2019.

KKM juga melaksanakan Program Pemberian *Imunisasi Catch-up Pneumokokal (CHUP)*. Program ini akan bermula 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024. Kita perlu memastikan anak-anak mendapat imunisasi lengkap mengikut jadual ditetapkan.





Sesi Taklimat Kertas Putih Kesihatan (HWP) Bersama Media



Pada 31 Mei 2023 YB Zaliha Mustafa telah menghadiri Sesi Taklimat Kertas Putih Kesihatan (HWP) bersama Media di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini.

Sesi ini merupakan sesi yang dianjurkan khas untuk wakil-wakil pertubuhan media dalam usaha menyebarkan informasi mengenai Kertas Putih Kesihatan atau *Health White Paper (HWP)* yang bakal dibentangkan di Parlimen pada Jun 2023.

Seramai 50 wakil media yang hadir dari pelbagai agensi ke sesi ini turut diberi ruang untuk bertanyakan soalan terkait HWP bagi memastikan maklumat sahih dapat disalurkan kepada rakyat.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022



Pada 9 Mei 2023, YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2022 Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia pada sesi petang.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 merupakan salah satu penghargaan dan pengiktirafan oleh kerajaan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kerja yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2022. Pada sesi sebelah petang seramai 385 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diraikan.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Zainal Alhakab Bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan YBrs. Puan Norli Binti Karim, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan KKM.



PERASMIAN HARI JURURAWAT ANTARABANGSA 2023

YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 di Setia Alam, Selangor pada 12 Mei 2023.

Sambutan ini diraikan pada 12 Mei 2023 setiap tahun bertujuan mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada sumbangan jururawat di seluruh dunia yang telah menabur jasa memberikan penjagaan dan keselesaan kepada mereka yang memerlukan. Sambutan tahun ini bertemakan "Our Nurses Our Future" dihadiri oleh dua ribu jururawat seluruh Malaysia daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hospital-hospital Universiti dan Swasta.

Turut hadir, Puan Devi a/p K Saravana Muthu, Pengarah Bahagian Kejururawatan KKM dan Puan Aisyahton binti Suhaimi, Presiden Persatuan Jururawat Malaysia.



Pelancaran Dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Dan Morbiditi



Pada 18 Mei 2023, YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022 atau *National Health & Morbidity Survey (NHMS) 2022* di Dewan Serbaguna, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Institut Kesihatan Umum (IKU), telah menjalankan dua (2) Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) pada tahun 2022 iaitu Kesihatan Remaja dan Kesihatan Ibu dan Anak. Tinjauan yang dilaksanakan di seluruh Malaysia ini bertujuan untuk mendapatkan status kesihatan dan morbiditi golongan remaja, ibu dan kanak-kanak di Malaysia.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah, Ketua Jabatan Oftalmologi & Ketua Unit Clinical Research Centre, Hospital Shah Alam, menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal), YBhg. Dr. Zulkarnain Bin Abd Karim, Pengurus Institut Kesihatan Negara (NIH) dan YBhg. Dr. Noor Ani Binti Ahmad, Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU).

Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Kesihatan Ke Terengganu

Pada 20 Mei 2023, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa fasiliti kesihatan di negeri Terengganu. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan Bukit Tunggal dan Klinik Desa Bukit Guntong.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, YBTMK telah menyempurnakan majlis penyerahan projek dan perasmian Klinik Desa Bukit Guntong, di Kuala Nerus, Terengganu.

Turut hadir, YBhg Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Dato Dr Hjh Kasemani binti Embong Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu.

Klinik Kesihatan Bukit Tunggal



Klinik Kesihatan Desa Bukit Guntong





Perasmian Bot Ambulans Klinik Kesihatan Pulau Redang dan Klinik Kesihatan Pulau Perhentian



Pada 20 Mei 2023, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bot Ambulans Klinik Kesihatan Pulau Redang dan Klinik Kesihatan Pulau Perhentian di Jeti Duyong Marina Resort, Kuala Terengganu.

Sebanyak RM1.4 juta telah diperuntukan untuk pembelian dua biji bot ambulans bagi kegunaan Klinik Kesihatan Pulau Redang dan Klinik Kesihatan Pulau Perhentian bagi menggantikan kedua-dua bot yang telah uzur dan bersaiz kecil. Bot Ambulans baru ini lebih besar dan boleh memuatkan 12 orang penumpang dan sesuai untuk digunakan semasa musim tengkujuh. Perkhidmatan ambulans merupakan salah satu daripada perkhidmatan utama di Klinik Kesihatan Pulau Redang dan Klinik Kesihatan Pulau Perhentian dalam pengendalian kes-kes kecemasan dan kemalangan.



Turut hadir dalam program berkenaan ialah YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Dato' Dr Hjh Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu.

Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Kesihatan ke Melaka

Pada 29 Mei 2023, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa fasiliti kesihatan di negeri Sabah. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan Padang Sebang, Hospital Alor Gajah dan Pangsapuri Peringgiti Indah.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, dalam lawatan ini YBTMK bersama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bercadang untuk menaiktaraf dan melakukan proses baik pulih bangunan Pangsapuri Peringgiti Indah untuk memindahkan sebahagian daripada unit Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah (PKDMT) dan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Melaka Tengah (PKPDMT).

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Rusdi bin Abd Rahman, Pengarah Kesihatan Negeri Melaka, Dr. Ruzita binti Mustafa, Timbalan Pengarah Kesihatan Awam, JKN Melaka, Dr. Shahrum bin Hj Arshad, Timbalan Pengarah Perubatan, JKN Melaka dan Dr. Tan Ee Hong, Timbalan Pengarah Pergigian, JKN Melaka.

Klinik Kesihatan Padang Sebang



Hospital Alor Gajah






SESI TOWN HALL KERTAS PUTIH KESIHATAN BAGI ZON UTARA

Pada 2 Mei 2023, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan telah menyempurnakan Sesi Town Hall Kertas Putih Kesihatan bagi Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.

Sesi Town Hall ini merupakan sesi keempat yang dilaksanakan pada tahun ini untuk membentangkan inisiatif kerajaan dalam usaha menambahbaik sistem kesihatan negara. Ia juga merupakan satu kertas dasar yang menggariskan cabaran dan limitasi utama di samping mengesyorkan beberapa pendekatan strategi bagi mereformasi sistem kesihatan negara secara berfasa.



Majlis Penyerahan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 7) Negeri Kelantan

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Penyerahan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 7) Negeri Kelantan di Klinik Kesihatan Mata Ayer, Machang, Kelantan pada 3 Jun 2023.

Lima (5) projek klinik kesihatan yang terlibat adalah Klinik Kesihatan Mata Ayer, Machang, Klinik Kesihatan Kerilla, Machang, Klinik Kesihatan Karangan, Kuala Krai. Klinik Kesihatan Peria, Kuala Krai dan Klinik Kesihatan Sokor, Tanah Merah. Kelima-lima klinik kesihatan yang dijadual akan beroperasi pada 2 Julai 2023 merupakan klinik desa berstatus daif yang telah dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan Jenis 7.

Turut hadir ialah YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Kerja Raya, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Dato' Dr. Zaini bin Husin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan dan YB Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Ahli Parlimen Machang.



LAWATAN KERJA YB MENTERI

Pada 3 Jun 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa fasiliti kesihatan di negeri Kelantan. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan (Jenis 3), Kok Lanas, Klinik Kesihatan Machang, Klinik Pergigian Kubang Kerian, Klinik Kesihatan Ketereh.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat. Selain itu, komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan memastikan kesejahteraan rakyat di negeri Kelantan lebih terpelihara

Turut hadir, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Dato' Dr. Zaini bin Husin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan.

Klinik Kesihatan Machang



RI KESIHATAN KE KELANTAN

Klinik Kesihatan (Jenis 3), Kok Lanas



Klinik Kesihatan Pergigian Kubang Kerian



Klinik Kesihatan Ketereh



Taklimat Berkenaan Rang Undang-Undang Baharu Bagi Kawalan Produk Merokok



Pada 6 Jun 2023, YB Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa telah hadir memberi taklimat berkenaan Rang Undang-Undang Baharu Bagi Kawalan Produk Merokok untuk Ahli-Ahli Parlimen di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Seramai 42 Ahli Dewan Rakyat dan 15 Ahli Dewan Negara telah menghadiri sesi taklimat ini. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menegaskan bahawa RUU Baharu Kawalan Produk Merokok ini sangat penting bagi melindungi kesihatan generasi muda dan ia merangkumi dua perkara utama iaitu kawalan terhadap produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape serta pelaksanaan peruntukan Generasi Penamat Rokok.

Turut hadir sebagai ahli panel, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM, YB Kelvin Yii, Penasihat Khas Menteri Kesihatan, YBrs. Dr. Helmy Haja Mydin, Penasihat Khas Menteri Kesihatan dan YBrs. Tuan Yang Zaimy Yang Ghazali, Penasihat Undang-Undang KKM.





Taklimat Kertas Putih Kesihatan Bersama Ahli-Ahli Parlimen

Pada 8 Jun 2023 YB Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa telah menghadiri Sesi Taklimat Kertas Putih Kesihatan bersama Ahli-ahli Parlimen di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Deraf HWP yang telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 5 Jun yang lalu merupakan kertas konsep pelan reformasi kesihatan negara di mana ia menggariskan cabaran dan limitasi utama yang dihadapi oleh sistem kesihatan pada masa kini. Pelbagai cadangan reformasi kesihatan yang bersifat holistik, inklusif dan responsif terhadap keperluan kesihatan rakyat turut diketengahkan di dalam kertas tersebut.

Turut hadir ialah YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazaman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Dr. Asmayani Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Tan Sri Dr S. Subramaniam, Mantan Menteri Kesihatan merangkap Pengerusi Ahli Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan dan YBhg. Dr. Rozita Halina Tun Hussein, (Pengarah Bahagian Perancangan, KKM).



Penyerahan Projek Fasiliti Kesihatan Di Negeri Johor

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Fasiliti Kesihatan di Negeri Johor, bertempat di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru pada 18 Jun 2023.

Program yang berlangsung di HSA ini melibatkan penyerahan tiga (3) projek fasiliti kesihatan iaitu Projek Pembinaan Bangunan Baru Makmal Patologi, Hospital Sultanah Aminah, Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Taman Ungku Tun Aminah dan Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 5) Dengan Kuarters Palong Timur, Segamat. Makmal patologi ini dilengkapi unit-unit makmal seperti Chemical Pathology Laboratory, Microbiology Laboratory, Hematology Laboratory dan Anatomical Pathology Laboratory dan ia turut memiliki Laboratory Information System (LIS) yang akan membantu meningkatkan capaian sebanyak 16% bagi membantu pelanggan yang hadir menerima keputusan makmal dalam masa yang lebih singkat.

Turut hadir, YB Ling Tian Soon, EXCO Kesihatan Negeri Johor, YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri merangkap Ahli Parlimen Iskandar Puteri, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan KKM, YBrs. Tuan Ir. Haji. Badioezaman bin Ab. Khalik, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) JKR, YBrs Ir. Abu Bakar bin Abd Aziz, Pengarah Kerja Raya Johor dan YBrs Dr. Hj. Mohtar bin Pungut @ Hj. Ahmad, Pengarah Kesihatan Negeri Johor.



Lawatan Kerja YB Menteri ke Johor

Pada 18 Jun 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan (KK) Gelang Patah, Johor.

KK Gelang Patah telah dibina pada 19 April 1975. KK ini menyediakan beberapa perkhidmatan penting kepada penduduk setempat seperti, rawatan kesihatan primer, penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, kesihatan ibu dan anak, kesihatan sekolah, unit makmal dan farmasi, klinik pergigian, fisioterapi, dietetik, perkhidmatan pemulihan carakerja dan pelbagai lagi.

Turut hadir, YB Ling Tian Soon, EXCO Kesihatan Negeri Johor, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza Ngah, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) dan YBrs Dr. Hj. Mohtar bin Pungut @ Hj. Ahmad, Pengarah Kesihatan Negeri Johor.





Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Kesihatan ke Kuala Lumpur

Pada 22 Jun 2023, YB Tuan Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Tanglin di Kuala Lumpur.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat keadaan semasa fasiliti kesihatan yang akan melaksanakan kerja pembaikan selain memantau perkembangan penyampaian perkhidmatan kesihatan di klinik tersebut terutamanya perkhidmatan di peringkat *'primary healthcare'*. Klinik Kesihatan Tanglin adalah bangunan bersejarah. Klinik tersebut merupakan antara hospital terawal di Malaysia, kini berusia lebih daripada 130 tahun. Hospital ini kemudiannya dikenali sebagai Poliklinik Tanglin dan dijenamakan semula pada tahun 2003 dan dikenali sebagai Klinik Kesihatan Tanglin. Klinik ini menerima pelanggan sekitar 500-600 orang sehari dan menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar, promosi kesihatan & pencegahan dan pengawalan penyakit yang berterusan kepada penduduk sekitar kawasan operasi.

Turut hadir sama bagi sesi lawatan kerja ini adalah YBrs. Dr Fariza binti Dato Fadzil, wakil Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga KKM dan Puan Aida Jasmin binti Md. Jamil, wakil Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM.



Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Kesehatan Ke Pusat Hemodialisis



Pada 17 Jun 2023, YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesehatan telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Hemodialisis, Permyjaya, Miri.

Lawatan ke Pusat Hemodialisis bertujuan meninjau Pusat dialisis yang baharu hasil usaha Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) cawangan Miri. Pusat dialisis tersebut dilengkapi 40 mesin dialisis bagi membantu seramai 327 pesakit. Selain itu, pusat dialisis tersebut turut dilengkapi dengan *back-up energy* sebagai siap siaga sekiranya berlaku gangguan elektrik dan gangguan bekalan air.

Turut hadir bersama ialah YB Dato Sri Lee Kim Shin, Menteri Pengangkutan Sarawak merangkap Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) cawangan Miri, Dr. Jack Wong Siew Yu, Pengarah Hospital Miri, Dr. P. Raviwharmman AL Packierisamy, Pegawai Kesehatan Bahagian Miri, Puan Liza Chai, Naib Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) Cawangan Miri, En. Tan Lay Yen, Setiausaha PBSM Cawangan Miri dan Puan Yong Nyet Yun, Bendahari PBSM Cawangan Miri.





Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia

Sedunia

YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia bertempat di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru pada 18 Jun 2023.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mewartakan tarikh 14 Jun pada setiap tahun sebagai Hari Penderma Darah Sedunia bagi meraikan serta menghargai para penderma darah dan penganjur kempen derma darah. Tema Hari Penderma Darah Sedunia pada tahun ini adalah “Derma Darah, Derma Plasma, Derma Berterusan, Demi Kehidupan”. Ia memfokuskan kepada pesakit yang memerlukan sokongan transfusi sepanjang hayat dan menggariskan peranan yang boleh dilakukan oleh setiap individu dengan pendermaan darah atau plasma yang sangat berharga.

Turut hadir YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YBhg Dato’ Dr. Asmayani, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, YBrs. Dr. Hj Mohtar bin Pungut @ Hj. Ahmad, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, YBrs. Prof. Madya Dr. Abdul Ali bin Raja Mohamed, Naib Pengerusi Kebangsaan Bulan Sabit Merah Malaysia, YBrs. Dr. Tun Maizura binti Mohd Fathullah, Timbalan Pengarah I, Pengarah Pusat Darah Negara dan Tuan Haji Sulaiman, Naib Pengerusi 1, Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Johor



Panduan Sihat


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEBAIKAN TIDAK MEROKOK



Tahap kesihatan yang baik



Tidak membazir wang



Meningkatkan tahap kecergasan



Tidak mendedahkan asap rokok kepada orang di sekeliling



Menambah produktiviti



Mengurangkan risiko mendapat pelbagai jenis penyakit termasuk kanser



Meningkatkan deria rasa dan bau



Menjadi suri teladan kepada keluarga, rakan dan masyarakat



Penampilan yang menarik

Amalan merokok akan memudaratkan kesihatan seperti meningkatkan risiko penyakit jantung dan kanser paru-paru. Namun, terdapat sesetengah masyarakat masih sukar meninggalkan tabiat buruk ini disebabkan ketagihan terhadapnya.

Sehubungan itu, inisiatif menghentikan tabiat merokok akan memberi pelbagai kebaikan kepada perokok dan orang sekeliling terutamanya dari aspek kesihatan.

Oleh itu, para perokok boleh mendapatkan bantuan berhenti merokok dengan melayari laman sesawang <https://jomquit.com/>

